

NURAISHAH sering diberi tanggungjawab menjadi pengacara majlis di universiti.

Deejay radio universiti



BIODATA

NURAISHAH MOHD YUSOF

Asal: Kota Bharu, Kelantan
Tarikh lahir: 10 November 1987
Adik beradik: Anak kedua dari tujuh beradik
Cita-cita: Pengacara dan pakar matematik
Hobi: Membaca dan memasak
Jurusan: Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan), Usim
Pencapaian:
- Deejay Radio Usim
- Penerima Anugerah Penulis Lirik Lagu Patriotik Terbaik, CIPTA 2008
- Voice Over Dokumentari Usim
- Ahli Kumpulan Nasyid Azra Usim
- Pengacara Festival Kebudayaan Universiti Malaysia 2009

Nuraishah enggan lepaskan peluang timba ilmu, pengalaman

Festival Cipta Lagu Patriotik (CIPTA) 2009.

Katanya, pengalaman itu amat bermakna bagi dirinya kerana berpeluang berinteraksi dan berkongsi tip untuk menjadi pengacara yang berkaliber.

Mengagumi personaliti bekas Pengacara Jemputan Nona, Datin Norjuma Habib, Nuraishah menyimpan impian bergelar pengacara terkenal suatu masa nanti.

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharuan.com.my

Di kalangan warga Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Nuraishah Mohd Yusof bukan lagi asing, malah penampilannya sering saja dinantikan setiap kali majlis rasmi universiti berlangsung.

Dianugerahkan bakat, personaliti menarik dan suara yang lunak, beliau menjadi pilihan bagi memikul tanggungjawab sebagai pengacara majlis dalam apa saja aktiviti atau program universiti.

Malah, tugas sebagai deejay Radio Kampus Usim memberi ruang kepada Nuraishah untuk terus dikenali sebagai perantara bagi menyampaikan apa

saja maklumat berkaitan universiti kepada kalangan mahasiswa Usim dan masyarakat luar.

Mengakui kesibukan dalam menunaikan tanggungjawab itu, Nuraishah bagaimanapun akur malah gembira dengan apa yang dilakukannya kerana minatnya mendalam dalam bidang pengacaraan.

Kini mengikuti pengajian tahun tiga, Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan), beliau sama sekali enggan melepaskan peluang ketika berada di universiti untuk menimba pengalaman dan pengetahuan sebanyak mungkin dalam pelbagai bidang.

"Sebagai mahasiswa, kita tidak harus terkongkong dalam skop bidang pengajian yang diambil semata-mata, sebaliknya berusaha mem-

pelajari bidang pengajian lain yang tidak kurang hebatnya.

"Tidak semestinya ikut program sains, kita tidak berpeluang mendalami bidang lain seperti komunikasi atau undang-undang. Mahasiswa perlu bijak meneroka peluang dan inilah yang saya lakukan bagi memastikan saya memperoleh kemahiran nilai tambah yang mungkin tidak mampu diperolehi menerusi program yang diikuti," katanya.

Nuraishah berkata, pembabitannya dalam bidang pengacaraan secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi yang menjadi antara keperluan utama yang perlu ada pada seseorang graduan apabila menceburi bidang kerjaya kelak.

Katanya, kemahiran itu bagaimanapun memerlukan tahap pembacaan yang tinggi dan beliau sering memanfaatkan masa terluang dengan membaca pelbagai bahan bacaan berkaitan sastera, hiburan dan sosial.

Kesibukan sebagai pengacara bagaimanapun tidak meletakkan Nuraishah, malah beliau tetap meletakkan tuntutan sebagai mahasiswa sebagai fokus utama.

Justeru, katanya, tawaran menjadi pengacara hanya diterima sekiranya beliau mempunyai masa terluang khususnya pada hujung minggu bagi memastikan

sesi pembelajarannya tidak terganggu.

"Usaha ini banyak membantu saya mengekalkan pencapaian Purata Nilai Gred 3.00 ke atas sejak semester pertama hingga kini.

"Malah, saya juga bertuah kerana mempunyai rakan yang memahami dan senang berkongsi pengetahuan

bukan saja berkaitan pembelajaran, malah melontarkan idea dalam menghasilkan skrip untuk satu-satu majlis," katanya.

Berkongsi pengalaman dalam bidang pengacaraan, beliau pernah digandingkan dengan hos rancangan Malaysia Hari Ini, TV3, Ahmad Fedtri Yahya dalam Pertandingan



NURAISHAH juga bertugas sebagai deejay Radio Kampus Usim, bertanggungjawab memberi maklumat berkaitan universiti.

UNIT Hal Ehwal Pelajar di semua IPT, pelajar dan persatuan universiti dipelawa untuk mencadangkan calon personaliti untuk disiarkan di ruangan ini. Calon berkenaan mestilah memenuhi syarat cemerlang dalam akademik dan aktif kokurikulum. *Varsiti* akan memilih pemenang personaliti setiap bulan untuk dipertandingkan bagi pemilihan peringkat akhir Anugerah Personaliti Varsiti 2010. Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Pendidikan Berita Harian, 03-22822323 ext 4781 atau bhvarsiti@bharuan.com.my.

“Tidak semestinya ikut program sains, kita tidak berpeluang mendalami bidang lain seperti komunikasi atau undang-undang. Mahasiswa perlu bijak meneroka peluang dan inilah yang saya lakukan bagi memastikan saya memperoleh kemahiran nilai tambah yang mungkin tidak mampu diperolehi menerusi program yang diikuti,**”**

Nuraishah Mohd Yusof
Pelajar tahun Tiga,
Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan), Usim